

D329

U B193 DEB

MAHATHIR-PAS

KUALA LUMPUR, 4 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KEKALAHAN TERUK YANG DIALAMI OLEH PAS PADA PILIHAN RAYA SEMALAM MENUNJUKKAN RAKYAT TIDAK MENERIMA SIKAP PARTI ITU YANG BERBUAT SESUKA HATI MEREKA.

+RAKYAT KECIWA DENGAN PEMIMPIN PAS YANG SEOLAH-OLAH TIDAK MEMPUNYAI PEGANGAN DAN BERTINDAK SESUKA HATI MEREKA,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS BARISAN NASIONAL MEMPEROLEH KEMENANGAN DUA PERTIGA PADA PILIHAN RAYA UMUM SEMALAM.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGADAKAN PERSIDANGAN AKHBAR DI PUSAT AKHBAR YANG DISEDIAKAN OLEH BN DI DEWAN MERDEKA, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA UNTUK WAKIL-WAKIL MEDIA DARI DALAM DAN LUAR NEGERI.

PERSIDANGAN AKHBAR ITU BERMULA KIRA-KIRA 6.40 PAGI INI SELEPAS BN MEMPEROLEH 121 KERUSI DARIPADA 177 KERUSI PARLIMEN KETIKA ITU YANG MEMBERIKANNYA MAJORITI DUA PERTIGA.

KATANYA PEMIMPIN-PEMIMPIN PAS BERASA TERLALU ANGKUH APABILA CERAMAH-CERAMAH YANG DIANJURKANNYA SEBELUM KEMPEN PILIHAN RAYA MENARIK RIBUAN RAKYAT. -- LAGI.

0841MST 04 08 86

MAHATHIR-PAS 2 KUALA LUMPUR

DENGAN PERASAAN ANGKUH ITU, PEMIMPIN-PEMIMPIN PAS BERANGGAPAN MEREKA TERLALU KUAT DAN BOLEH BUAT SESUKA HATI MEREKA, KATANYA.

PAS JUGA BERANGGAPAN PARTI ITU CUKUP KUAT UNTUK MENGHADAPI APA JUGA CABARAN DARIPADA UMNO TERUTAMA DI KELANTAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PAS TELAH TERSILAP PERKIRAAN DENGAN PERASAAN RAKYAT DAN PENGUNDI KERANA APA YANG DIINGINI OLEH RAKYAT IALAH KESTABILAN DAN KEAMANAN NEGARA.

STRATEGI PAS MENGHADAPI PILIHAN RAYA INI MENUNJUKKAN PARTI ITU BELUM MATANG, UJAR PERDANA MENTERI.

KETIKA MENJAWAB SATU SOALAN, BELIAU BERKATA TINDAKAN PAS MEMPERALAT AGAMA TELAH MENYEBABKAN KEKALAHAN PARTI ITU SENDIRI KERANA RAKYAT MENYEDARI PAS BERBUAT DEMIKIAN SEMATA-MATA HENDAK MEMANCING UNDI DAN BUKANNYA ATAS DASAR KEPENTINGAN ISLAM. -- LAGI

0855MST 04 08 86

D347

U B201 DEB

MAHATHIR-PAS 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGGESA ANGGOTA-ANGGOTA PAS SUPAYA SEGERA KELUAR MENINGGALKAN PARTI ITU DEMI KEBAIKAN MEREKA SENDIRI DAN FAEDAH UMAT ISLAM KESELURUHANNYA.

MENGENAI KEJAYAAN CEMERLANG BN DI KELANTAN, BELIAU BERKATA KEMENANGAN ITU AKIBAT SIKAP ANGKUH PAS SENDIRI DAN KERANA RAKYAT TIDAK MAHU LAGI MEMPERCAYAI PUCUK PIMPINAN PARTI ITU.

KATANYA BN PADA MULANYA BERASA WAS-WAS DENGAN KEUPAYAANNYA SENDIRI KERANA TINDAKAN PAS MENUNJUK-NUNJUK KEKUATAN MENERUSI CERAMAH-CERAMAH YANG DIADAKANNYA DI NEGERI ITU.

TETAPI SANGKAAN BN SELAMA INI TERBUKTI BENAR BAHAWA YANG MENGHADIRI CERAMAH-CERAMAH PAS SELAMA INI DIBAWA KHAS DARI SELURUH NEGARA DAN BUKANNYA SAMBUTAN PENDUDUK SETEMPAT, KATANYA.

KETIKA MENGULAS KEJAYAAN BN DI KEDAH PULA, PERDANA MENTERI BERKATA KEJAYAAN ITU MEMUASKAN KERANA CALON-CALON BN DAPAT MENEWASKAN APA YANG DIDAKWA SEBAGAI ORANG-ORANG KUAT PAS SELAMA INI.

-- LAGI

0909MST 04 08 86

0362

U B210 DEB

MAHATHIR-PAS 4 KUALA LUMPUR

ANTARA PEMIMPIN YANG TERTEWAS DI KEDAH IALAH TIMBALAN YANG DIPERTUA AGUNG PAS HAJI FADZIL NOR DI KUALA KEDAH DAN NAIB YANG DIPERTUA AGUNG HAJI NAKHAEI HAJI AHMAD DI JERAI.

MENGENAI PAKATAN PEMBANGKANG, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PENUBUHANNYA TANPA ASAS DAN GAGAL BERTINDAK SECARA BERKESAN KERANA PARTI-PARTI GABUNGANNYA TIDAK PERCAYA MEMPERCAYAI SATU SAMA LAIN.

BARISAN PEMBANGKANG YANG DITAJA OLEH PAS ITU DIWUJUDKAN SEBELUM HARI PENAMAAN CALON DAN DIANGGOTAI BERSAMA OLEH NASMA, PSRM, PARTI PEKERJA MALAYSIA DAN SDP.

KEKALAHAN YANG DIALAMI OLEH PARTI-PARTI +KECIL+ ITU SEPATUTNYA TIDAK HARUS BERLAKU JIKA IA TIDAK DITUBUHKAN LANGSUNG.

BELIAU BERPENDAPAT PARTI-PARTI KECIL ITU DITUBUHKAN SEMATA-MATA KERANA ADA ORANG-ORANG TERTENTU YANG BERPERASAAN KECIWA DAN MENUBUHKAN PARTI POLITIK SEWENANG-WENANGNYA TANPA BERFIKIR SAMA ADA MEREKA MAMPU BERKHIDMAT KEPADA RAKYAT ATAUPUN TIDAK. -- LAGI.

0933MST 04 08 86

0363

U B211 DEB

MAHATHIR-PAS 5 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA YANG DIPERLUKAN OLEH PENGUNDI IALAH WAKIL-WAKIL RAKYAT YANG BERKEBOLEHAN YANG DIWAKILI OLEH PARTI-PARTI POLITIK YANG BESAR DAN KUAT.

MENGENAI EMPAT CALON BEBAS YANG MEMENANGI KERUSI MEREKA DI SABAH, SARAWAK DAN LABUAN, PERDANA MENTERI BERKATA MEREKA TIDAK AKAN DITERIMA MENJADI ANGGOTA BN.

+KITA MEMPUNYAI PRINSIP TERSENDIRI MENGENAI CALON-CALON BEBAS WALAUPUN PADA MASA-MASA LEPAS ADA KALANYA CALON-CALON BEBAS YANG MEMENANGI PILIHAN RAYA DITERIMA MENJADI ANGGOTA PARTI-PARTI KOMPONEN.

+TETAPI PADA KALI INI, BN AKAN ANTARA LAINNYA AKAN MENYIASAT LATAR BELAKANG CALON-CALON BERKENAAN SERTA BAGAIMANA MEREKA BOLEH MENANG SEBELUM KITA MEMPERTIMBANG PERMOHONAN MEREKA UNTUK MENYERTAI BN,+ KATANYA. -- BERNAMA.

0935MST 04 08 86